

## Boling eratkan hubungan UMP-media

KUANTAN 17 Jun - Peranan media dalam menyalurkan maklumat berhubung sesebuah organisasi amat penting untuk dihebahkan kepada masyarakat.

Bagi sesebuah organisasi yang mantap, hubungan baik dengan pihak media amat penting dan perlu disuburkan dari semasa ke semasa.

Menyedari hakikat itu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan pertandingan boling persahabatan di Premium Lane, Kuantan Plaza di sini, baru-baru ini.

Seramai 80 peserta yang terdiri daripada pengamal media dan kakitangan UMP menyertai kejohanan kali kelima yang bertemakan *IUMP IMedia 1Strike* yang menyaksikan sebanyak 20 kumpulan menunjukkan bakat masing-masing bagi merebut hadiah utama.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pertandingan itu bagi mengeratkan kerjasama antara kedua-dua pihak.

Katanya, program tahunan itu dapat mengukuhkan ikatan kekeluargaan antara pihak pengurusan universiti bersama pihak media.

"Selain itu, peserta dapat menghilangkan tekanan dan penat bekerja dengan melakukan aktiviti sedemikian," katanya ketika merasmikan kejohanan tersebut.



WARGA UMP dan ahli Kelab Media Pahang bergembira pada pertandingan boling persahabatan di Premium Lane, Kuantan, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Kelab Media Pahang (KMP), Nik Naizi Hussin berkata, pihaknya sentiasa menyokong

usaha murni UMP dalam mengadakan pelbagai aktiviti bersama media.

Pada pertandingan itu, wakil

Utusan Airtimes Sdn. Bhd, Hanapi Mat Ripin mengungguli kategori individu lelaki dengan 491 jatuhan

pin, manakala kategori wanita dimenangi oleh wakil RTM, Norjihan Yahya dengan 449 jatuhan pin.